

From: Pusat Budaya dan Seni -PBS
Sent: Wednesday, 1 March, 2017 9:12 AM
To: UUM - All Students; UUM - All Staff
Subject: Mahasiswa UUM Perlu Sertai Program Kesenian



“UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA”

(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

1 MAC 2017, RABU | 2 JAMADILAKHIR 1438H



HEP: Usaha memartabatkan seni budaya di Universiti Utara Malaysia perlu disertai generasi muda bagi melahirkan pelapis yang memperjuangkan legasi keunikan budaya Malaysia menerusi program kesenian.

Justeru, Pusat Budaya dan Seni (PBS) Universiti Utara Malaysia (UUM) telah mengadakan program Organisasi Budaya Siswa (OBS) dijalankan pada 28 Februari semalam adalah bertujuan mencungkil bakat bakat baru mahasiswa yang ingin menceburi dalam bidang kesenian dan kebudayaan.

Program yang bermula jam 8.30 malam itu diadakan di Laman Siswa, Kompleks Budaya Hashim Yasin. Laman penuh sesak dengan kehadiran mahasiswa UUM yang meminati pelbagai skop-skop kebudayaan yang ditawarkan.

PBS menawarkan lapan skop utama kebudayaan iaitu muzik, tarian, lukisan, apresiasi sastra, teater, nasyid, pengurusan teknikal dan juga pengurusan acara.

Sebanyak 12 kelab di bawah naungan PBS turut terlibat antaranya Kelab Penyiaran, Kelab Bidasari, Sekretariat Kewartawanan Utara, Kelab Seni Lukis, Kelab Nasyid, Kelab Pencinta Filem, Kelab Estetika, Kelab Pendeta, Kelab Teater Warna, Kelab Muzik, Kelab Jahitan dan Masakan dan Sekretariat Budaya UUM.

Menurut Pengarah PBS Huzaidy Hussain, program ini memberi peluang kepada mahasiswa baru di UUM mengenali PBS dengan lebih rapat di samping mengembangkan bakat mereka dalam bidang seni.

"Semua yang hadir adalah secara sukarela. Ini menunjukkan bahawa mereka betul-betul minat dalam bidang ini.

"OBS adalah antara platform bagi membudayakan kesenian di universiti ini, sekali gus memberikan impak kepada golongan sasaran," katanya.

"Usaha ini dilihat amat penting bagi membentuk satu pakej pembangunan seni budaya agar pelaksanaannya lebih mudah dipantau, mudah dipromosikan dan diikuti. Sehubungan itu, diharap usaha ini mendapat sambutan terutama dalam kalangan generasi muda," jelasnya lagi.

Huzaidy turut memberi pujian kepada semua badan pelajar yang turut membantu dalam menjayakan program tersebut.

Sementara itu, Elamin Nur Hikmi Zulkipeli mahasiswa semester pertama program Hospitaliti berkata beliau amat meminati bidang nasyid sejak di bangku sekolah lagi.

"Saya berharap penglibatan dalam Kelab Nasyid ini boleh mengembangkan bakat saya,"kata beliau sebelum mengakhiri perbualan.

Daripada:

PUSAT BUDAYA DAN SENI
JABATAN HAL EHWAL PELAJAR
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL : 04-928 4215
FAKS : 04-928 4222
EMAIL : pbs@uum.edu.my
WEB : <http://pbs.uum.edu.my>



Save a tree.

Please don't print this e-mail unless it's necessary.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail